


# Cagamas terbit EMTN bernilai RM9.35 bilion

**KUALA LUMPUR 23 Jun** - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. mengumumkan terbitan sulung mata wang asing bagi tahun ini di bawah Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang Konvensional Cagamas (EMTN) bernilai AS\$2.5 bilion (RM9.35 bilion).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, EMTN mata wang asing tersebut adalah dalam dolar Amerika Syarikat dengan tempoh matang tiga tahun berjumlah AS\$100 juta (RM374 juta) dan dikeluarkan melalui anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Global P.L.C dan dijamin sepenuhnya oleh Caga-



mas.

Ujarnya, penilaian berterusan ke atas perbandingan kelebihan antara mata wang asing dan bin domestik serta ditambah dengan penglibatan progresif pelabur telah membantu memuktamadkan perjanjian tersebut.

"Pelabur-pelabur antarabangsa terlibat secara aktif dalam usaha untuk mempelbagaikan portfolio mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, program tiga tahun itu mendapat penarafan A3 daripada Moody's Investor Service dan berada pada harga yang berdaya saing pada tebaran 88bps sepanjang tiga tahun perbendaharaan Amerika Syarikat.

Bagi pasaran Malaysia, Cagamas telah berjaya memuktamadkan sebanyak RM500 juta di bawah Program Kertas Komersial Islamik (ICP) yang bernilai RM20 bilion.

"ICP tersebut dikeluarkan dalam struktur Komoditi Murabahah dan hasilnya akan digunakan untuk membiayai pembelian pembiayaan islamik daripada sistem kewangan," katanya.